

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)44

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

44. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di beberapa jalan utama dalam KADUN Bukit Tengah, khususnya di:
- (a) Jalan Permatang Tinggi.
 - (b) Jalan Perusahaan Autocity.
 - (c) Exit Juru Plus Highway Jalan Kebun Nenas.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

44. Sebagai perancangan menyelesaikan kesesakan trafik di jalan-jalan utama dalam Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah, pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR) akan membuat permohonan peruntukan seperti berikut:

- (a) Jalan Permatang Tinggi merupakan jalan persekutuan dan peruntukan telah dimohon melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Projek pelebaran Jalan Permatang

Tinggi dari sempadan Seberang Perai Selatan hingga ke Bulatan Bukit Tengah akan dilaksanakan setelah mendapatkan kelulusan dari Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

- (b) Jalan Perusahaan Autocity pula merupakan jalan negeri dan pihak JKR akan membuat permohonan baharu untuk kelulusan Kerajaan Negeri bagi cadangan pelebaran jalan di kawasan tersebut.

Manakala pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pula sedang menjalankan kerja-kerja pelebaran Jalan Perusahaan kepada empat (4) lorong dua (2) hala dari persimpangan Jalan Kebun Nenas hingga ke Jalan Juru.

- (c) Jalan susur Lebuhraya PLUS Juru adalah di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) manakala Jalan Kebun Nenas adalah jalan negeri. Pihak JKR bersama-sama dengan pihak LLM sedang dalam

perbincangan untuk mencari alternatif bagi penyuraian trafik di kawasan ini.

Cadangan pelebaran jalan dan *contra flow* di Jalan Kebun Nenas bermula dari persimpangan Jalan Perusahaan hingga laluan keluar Lebuhraya PLUS arah Utara termasuk pelebaran jalan susur keluar Lebuhraya PLUS arah Utara dan Selatan.

Selain itu, pihak Bahagian Trafik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sedaya upaya akan cuba mengurangkan kesesakan lalu lintas di atas jalan raya dengan menempatkan anggota-anggota trafik di tempat-tempat yang menjadi tumpuan pengguna jalan raya untuk membuat kawalan lalu lintas terutamanya pada waktuwaktu puncak seperti waktu pagi dan waktu cuti umum.

Selain daripada kawalan lalu lintas di kawasan lalu lintas yang sibuk, tindakan saman halangan juga dilakukan bagi memastikan pengguna jalan raya tidak meletakkan kenderaan sesuka hati di atas jalan utama yang mana menjadi punca utama kesesakan lalu lintas terutama

sekali di kawasan Bukit Tengah yang menjadi laluan utama untuk pergi ke Jambatan Pulau Pinang.

Tindakan ini sedikit-sebanyak mampu untuk mengurangkan kesesakan namun struktur jalan yang sedia ada tidak lagi mampu untuk menampung jumlah kapasiti kenderaan yang bertambah setiap tahun lebih-lebih lagi sekitar kawasan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, Perai dan Seberang Jaya yang menjadi laluan utama untuk masuk ke kawasan pulau.